

06 JUL 1996  
Mahathir-Olimpik  
DR MAHATHIR SERAH BENDERA KEPADA SKUAD OLIMPIK

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan bendera kebangsaan kepada kontinjen Malaysia yang akan menyertai Sukan Olimpik di Atlanta bulan ini.

Ketua kontinjen Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan menerima bendera itu dalam satu upacara di sebuah hotel di sini yang dihadiri oleh 26 daripada 36 atlit yang akan mengambil bahagian dalam sukan itu.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad dan pegawai-pegawai sukan.

Kontinjen Malaysia mengandungi 36 atlit dan lapan pegawai. Malaysia menyertai lapan acara -- olahraga, badminton, tinju, kenu, hoki, renang, menembak dan perahu layar.

Sepuluh daripada atlit itu sedang menjalani latihan dan menyertai kejohanan di Eropah dan Amerika Syarikat.

Malaysia memenangi pingat pertama dalam sukan Olimpik pada tahun 1992 di Barcelona melalui pasangan beregu badminton dua beradik Razif dan Jalani Sidek yang memenangi pingat gangsa.

#### KONTINJEN OLIMPIK MALAYSIA 1996

-----

Ketua Kontinjen: Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan  
Timbalan Ketua (dua orang): Datuk Dr M. Jegathesan dan Datuk Mazlan Ahmad.

Sekretariat: Mohd Fadzil Othman, Chin Man Loy, N.A. Baskaran.

Atace Akhbar: Huzaimah Mohd Yusoff.

#### OLAHRAGA:

-----

Pengurus Pasukan: Karim Ibrahim  
Jurulatih: J.V. Jayan  
Atlit: Watson Nyambek (100m), Loo Kum Zee (lompat tinggi), Nur Herman Majid (110m lompat berpagar), Annastasia Karen Raj (10km jalan kaki).

#### BADMINTON:

-----

Pengurus Pasukan: Datuk Roland Wong.  
Jurulatih: Razif Sidek, Misbun Sidek.  
Pemain: Rashid Sidek, Ong Ewe Hock, Cheah Soon Kit, Yap Kim Hock, Soo Beng Kiang, Tan Kim Her, Chan Chia Fong.

#### TINJU

-----

Pengurus: Muslim Bachik  
Peserta: Sapok Biki (48kg).

#### KENU

-----

Pengurus: Siti Alphiah Tunggal  
Peserta: Salehuddin Ayob (Slalom Kayak Persaorangan (KI) Lelaki

## HOKI

-----

Pengurus Pasukan: Abdul Rahman Karim

Jurulatih: Volker Knapp

Pembantu: Yahya Atan, Stephen Van Huizen.

Pemain: Hamdan Hamzah, Mohd Nasihin Nubli Ibrahim, Aphtar Singh, Calvin Fernandez, Chairil Anwar Abdul Aziz, Charles Aitken David, Lam Mun Fatt, Lailin Abu Hassan, R. Shankar, Maninderjit Singh, Brian Jayhan Siva, S. Kuhan, Mirnawan Nawawi, M. Kaliswaran, Lim Chiow Chuan, Nor Saiful Zaini.

## MENEMBAK

-----

Pengurus: Benson Low

Jurulatih: Liu Ji-Sheng

Penembak: Kaw Fung Ying (Skit)

## RENANG

-----

Pengurus Pasukan: Tie Mee Kiong

Jurulatih: Foo Ork Meng

Perenang: Anthony Ang (100m dan 200m kupu-kupu), Elvin Chia (100m dan 200m kuak dada), Lim Keng Liat (100m dan 200m kuak lentang), Wan Azlan Abdullah (200m dan 400m rampaian), Tay Li Leng (100m and 200m kuak dada).

## PERAHU LAYAR

-----

Pengurus: Lim Ewe Chye

Peserta: Kevin Lim (Laser). -- BERNAMA.

AR ES WAT MAI